



Utusan Malaysia, Malaysia

27 Aug 2015, by

Business & Finance, page 19 - 148.00 cm²

Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 228,802
(MTWTF)

ID 455841256

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

MSM guna ringgit elak krisis

KUALA LUMPUR 26 Ogos - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) bercadang menggunakan ringgit berbanding dolar ketika menjalankan urusan perdagangan dengan pedagang luar negara bagi mengurangkan kesan kejatuhan mata wang berkenaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, langkah itu dilihat perlu mengambil kira harga gula mentah yang rendah ketika ini masih tidak cukup untuk mengimbangi kesan kejatuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya gembira dengan penurunan harga gula mentah global itu kerana sebahagian besar import gula mentah dilakukan dalam dolar AS.

"Harga gula global dijangka jatuh lebih lagi dalam masa satu hingga dua bulan akan datang, namun nilai



Harga gula global dijangka jatuh lebih lagi dalam masa satu hingga dua bulan akan datang, namun nilai kejatuhan ringgit adalah lebih daripada itu."

SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM

kejatuhan ringgit adalah lebih dari pada itu. Harga gula mentah jatuh sebanyak 13 peratus dalam masa setahun manakala kelemahan ringgit jatuh sebanyak 23 peratus.

"Selain menggalakkan perdagangan dibuat dalam ringgit berbanding dolar AS, kami juga meli-

hat pada urusniaga dalam mata wang lain yang juga mengalami kejatuhan tetapi tidak selema ringgit," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani Perjanjian Pembinaan, Rekabentuk dan Pemerolehan Kejuruteraan (EPCC) antara MSM dan Sharkara International (FZC), syarikat sekutu Sutech Engineering Co. Ltd. dari Thailand untuk pembinaan kilang penapisan gula terbesar di Malaysia di Tanjung Langsat, Johor.

Sementara itu, Sheikh Awab memberitahu, pihak merancang untuk melabur sebanyak AS\$1.3 juta (RM5.5 juta) dalam perniagaan huluan di Indonesia dan optimis untuk memenangi tender dari syarikat milik kerajaan negeri, PT Perkebunan Nusantara X (PTPN X).

Menurutnya, pelaburan terbabit melibatkan kerja membaik pulih dan membangunkan ladang tebu seluas 20 hektar.